

Kem Menerokai Dunia Fizik berjaya di SMKT

“program ini sebenarnya memberi peluang kepada pelajar sekolah untuk mendekati ilmu Fizik dengan lebih mendalam serta membuka minda mereka untuk berfikir secara holistic tentang kewujudan Fizik dan sumbangannya”.

Prof. Madya Dr. Zaidan Abd Wahab

Oleh: SITI SARAH

TAMPIN - Seramai 117 pelajar Tingkatan 4 dan 5 aliran Sains Sekolah Menengah Kebangsaan Tampin, Negeri Sembilan (SMKT) mengikuti program Kem Menerokai Dunia Fizik yang julung kali dianjurkan Kelab Fizik, Universiti Putra Malaysia. Pemilihan SMKT sebagai tapak permulaan program seperti ini adalah berdasarkan kedudukannya yang berada di kawasan luar bandar berhampiran dengan pekan Tampin.

Ketua Jabatan Fizik UPM, Prof. Madya Dr. Zaidan Abd Wahab berkata, program ini sebenarnya memberi peluang

kepada pelajar sekolah untuk mendekati ilmu Fizik dengan lebih mendalam serta membuka minda mereka untuk berfikir secara holistic tentang kewujudan Fizik dan sumbangannya.

Selain itu, program ini telah mengubah sikap dan persepsi pelajar tentang kesukaran untuk menguasai subjek Fizik kepada pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan merangsang minda mereka.

Berdasarkan kaji selidik, sebanyak 87% program ini berjaya mencapai objektif dan rata-rata pelajar berharap sangat agar tempoh aktiviti seperti ini dipanjangkan dan memperbanyakkan aktiviti lagi.

Menurut ulasan daripada pengetua sekolah SMKT, beliau berharap agar prestasi akademik pelajar sekolah ini meningkat terutama dalam subjek Fizik yang kebanyakannya pelajar sekolah ini lemah dalam subjek Fizik. Ini merupakan satu tanggungjawab besar kepada barisan pelaksana program yang menjadi pemangkin kepada pelajar aliran Sains sekolah ini. Diharap, program ini akan menjadi sebahagian daripada aktiviti tahunan Kelab Fizik dan mendapat sokongan penuh daripada semua pihak.

Terdapat pelbagai aktiviti dijalankan menarik minat pelajar terhadap ilmu Fizik di antaranya adalah Kuiz Menguji Minda, Universe Explorace, Pembinaan dan

eksperimen Projektil, Ceramah Astronomi, Star Gazing dan Andromeda Treasure Hunt.

Aktiviti cerapan bintang paling berjaya pada tahun ini kerana kami dapat melihat planet Zuhal serta gelanggnya dengan jelas. Turut menyampaikan ceramah Mohd Firraus Romeli, bekas mahasiswa UPM yang menerima Pingat Emas Canselor dan Anugerah Pelajaran Diraja pada Majlis Konvokesyen UPM ke-29 lalu. Ceramah yang disampaikan berkisarkan kerjaya dalam bidang Fizik dan nilai-nilai murni yang perlu ada untuk menjadi pelajar cemerlang. Beliau turut berkongsi pengalaman beliau yang kini bergelar seorang jurutera di PETRONAS.